

## TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 57 – SURAH AL-HADIID



<https://youtu.be/ysq-4Dn-ct4>

VIDEO – [Durasi – 27m 25s] – SURAH AL-HADIID – Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

## TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 57 – SURAH AL-HADIID

### TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [01:37](#) – Mesej Utama
- 2- [04:13](#) – Zaman Diturunkan
- 3- [06:22](#) – Perkaitan Surah al-Hadid Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 4- [07:12](#) – Perkaitan Tema-Tema Di dalam Surah al-Hadid
- 5- [10:38](#) – Beberapa Halangan Yang Tersebut Di Dalam Surah al-Hadid
- 6- [11:28](#) – Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah
- 7- [11:30](#) – a. (Ayat 3) **هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ** Melalui ayat ini zat (diri) Allah diperkenalkan
- 8- [13:12](#) – b. Galakan supaya membelanjakan harta di jalan Allah (infaq)
- 9- [16:20](#) – c. Daripada firman Allah (Ayat 10)
- 10- [17:47](#) – d. Melalui firman Allah (Ayat 16) **لَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ**
- 11- [18:19](#) – e. Melalui firman Allah (Ayat 20) **اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ**  
f. Firman Allah (Ayat 21) **سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ**
- 12- [20:34](#) – g. Melalui firman Allah (Ayat 25)
- 13- [21:07](#) – h. Firman Allah (Ayat 27) **وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوا مَا كَتَبْنَا هَا عَلَيْهُمْ**
- 14- [23:13](#) – i. Perkataan “nur” beberapa kali digunakan di dalam surah ini.

### SINOPSIS

=====

#### MESEJ UTAMA SURAH AL-HADIID

=====

Hendaklah kamu berjihad dengan harta benda dan jiwa raga dalam keadaan beraqidah tauhid yang benar di samping mengelak diri dari nifaq, cintakan dunia, kebakhilan dan kehidupan "rahbaniyyah". Supaya dengan itu akhirnya tertegak kerajaan Islam yang menegakkan keadilan dan kesaksamaan sesuai dengan ajaran sekalian nabi dan rasul.

=====

#### PENGAJARAN DARI SURAH AL-HADIID

=====

1. Disebutkan sifat-sifat "as-Saabiqun" dan "Ashaabul yamiin", iaitu orang-orang yang yakin sepenuhnya terhadap sifat-sifat Allah. Mereka berbelanja dengan banyak di jalan Allah dan mereka juga berjihad menentang musuh-musuh yang menceroboh dari luar. Mereka juga menegakkan keadilan dalam masyarakat.

2. Tanpa adanya aqidah tauhid dan pengetahuan tentang asma' dan sifat Allah, jihad ialah suatu yang mustahil. Sebelum berjihad dengan jiwa raga, jihad dengan harta benda dengan membelanjakannya di jalan Allah adalah suatu yang mesti. Tanpa berjihad, negara Islam tidak mungkin ditegakkan dan tanpa adanya negara Islam, sistem yang adil tidak dapat ditegakkan.

3. Halangan paling besar di jalan iman ialah tidak mengetahui sifat-sifat Allah, halangan paling besar di jalan infaq ialah sifat bakhil dan cintakan dunia dan halangan paling besar di jalan jihad ialah cara hidup "rahbaniyyah".

-----

Beberapa peringkat dan fenomena kehidupan di dunia:

- a) Permainan, seperti permainan kanak-kanak yang langsung tiada kelazatan.
- b) Hiburan, yang walaupun ada kelazatan, tetapi hanya dirasakan setelah manusia menjangkau usia remaja.
- c) Perhiasan – gaya hidup dan persolekan yang diminati setelah manusia di peringkat dewasa.
- d) "Tafaakhur" – peringkat di mana manusia suka menyebutkan kelebihan dan berbangga serta menganggap dirinya lebih dari orang lain.
- e) Berlumba-lumba memperbanyakkan harta supaya melebihi orang lain dan seronok dengannya.
- f) Keinginan mempunyai lebih ramai anak berbanding orang lain.

### NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

#### **NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 57 – AL-HADID**

[ <https://raudhahguranschool.files.wordpress.com/2020/06/57.-surah-surah-al-hadid.pdf> ]